



## **DASAR INTEGRITI UMS**

### **1.0 TUJUAN**

Kertas ini dikemukakan untuk memohon pengesahan Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) berhubung cadangan mewujudkan Pelan Pelaksanaan Dasar Integriti Universiti Malaysia Sabah.

### **1.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Kertas kerja pewujudan dasar integriti telah diluluskan melalui mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) Bil.4/2015 pada 6 Mei 2015 dan mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) kali ke-67 (Bil.4/2015) pada 7 Julai 2015.
- 2.2 Sebagai langkah untuk melaksanakan dasar integriti UMS, Bahagian Perundangan dan Integriti merancang beberapa pelan pelaksanaan dasar integriti sebagai langkah untuk memastikan dasar integriti UMS dipatuhi dan dilaksanakan dengan menyeluruh.

### **3.0 PENYATAAN DASAR INTEGRITI UMS**

- 3.1 Pernyataan Dasar integriti UMS yang dipersetujui dan diluluskan oleh LPU adalah seperti yang berikut:  
**"UMS beriltizam memantapkan pentadbiran yang berintegriti melalui pembudayaan, penginstitusian dan pengamalan nilai-nilai murni serta beretika".**

### **1.0 PELAN PELAKSANAAN DASAR INTEGRITI UMS**

- 4.1 Di dalam melaksanakan pelan pelaksanaan dasar integriti UMS, beberapa strategi telah dirancang seperti berikut:

STRATEGI 1: Menggerakkan seluruh warga UMS untuk mendukung dan menghayati konsep integriti.

Bil.	Program/ Aktiviti	Matlamat	Pelaksanaan	Kumpulan Sasar	Pelaksana
1.	Menjalankan seminar atau kempen kesedaran integriti	Menimbulkan kesedaran terhadap kepentingan integriti sebagai budaya dan amalan di tempat kerja	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menerapkan modul berhubung integriti dalam kursus orientasi dan PTM kepada kakitangan</li> <li>ii. Mengadakan seminar, sesi penerangan berhubung integriti kepada kakitangan</li> </ul>	Semua kakitangan UMS	<p>Bahagian Sumber Manusia</p> <p>Bahagian Perundangan dan Integriti</p>
2.	Mengadakan aktiviti pengukuhan berhubung integriti	Meningkatkan tahap pengetahuan kakitangan mengenai dasar integriti dan pelaksanaan budaya integriti semasa bertugas	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengadakan forum, ceramah, taklimat kepada kakitangan</li> </ul>	Semua kakitangan UMS	<p>Bahagian Sumber Manusia</p> <p>Bahagian Perundangan dan Integriti</p> <p>Setiap Jabatan/Fakulti/Pusat/Institut/Unit</p>

STRATEGI 2: Memastikan seluruh warga UMS mengamalkan budaya kerja unggul dengan menerapkan ciri-ciri kerja beretika dan telus.

Bil.	Program/ Aktiviti	Matlamat	Pelaksanaan	Kumpulan Sasar	Pelaksana
1.	Menandatangani Ikrar integriti	Memastikan seluruh kakitangan patuh dan mengamalkan teras-teras perkhidmatan semasa menjalankan tugas.	i. Ikrar Integriti ditandatangani dan dimasukkan ke dalam Fail Perkhidmatan Kakitangan	Semua kakitangan UMS	Bahagian Sumber Manusia  Bahagian Perundangan dan Integriti
2.	Menyediakan Manual Prosedur Kerja dan mempamerkan carta aliran kerja supaya diketahui umum	Memastikan Manual Prosedr Kerja dipatuhi bagi mengelakkan kekeliruan dalam menjalankan tugas dan mengelakkan penyelewengan	i. Manual Prosedur Kerja diseddiakan dan dipamerkan di setiap JFPIU  ii. Manual Prosedur Kerja dipatuhi oleh seluruh kakitangan	Semua kakitangan UMS	Bahagian Pentadbiran dan Governan  Bahagian Perundangan dan Integriti
3.	Meningkatkan tadbir urus terbaik	Memastikan pentadbiran organisasi ditadbir dengan efisien dan berintegriti tinggi	i. Melaksanakan program auditan kearah meningkatkan tadbir urus yang terbaik: a) Audit Dalaman b) Audit Pengurusan	Semua kakitangan UMS	Bahagian Pentadbiran dan Governan  Bahagian Audit Dalaman  Bahagian Perundangan dan Integriti

STRATEGI 3: Mengambil tindakan-tindakan punitif yang wajar sejajar dengan kesalahan yang dilakukan agar dapat dijadikan teladan kepada warga UMS yang lain.

Bil.	Program/ Aktiviti	Matlamat	Pelaksanaan	Kumpulan Sasar	Pelaksana
1.	Penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang ada	Memastikan pemantapan pelaksanaan perundangan dan peraturan semasa bersesuaian dengan keadaan dan perkembangan	Mengemaskini peraturan yang ada	Semua kakitangan	Bahagian Pentadbiran dan Governan  Bahagian Perundangan dan Integriti
2.	Melaksanakan pendekatan punitif yang setimpal terhadap kakitangan yang terlibat dengan salahguna kuasa, pecah amanah, salah laku, penyelewengan dan rasuah	i. Memantapkan pendekatan punitif melalui hukuman tatatertib yang dikenakan oleh Jawatankuasa Tatatertib ii. Memberikan pengajaran kepada kakitangan lain	Jawatankuasa Tatatertib mendengar kes dan menjatuhkan hukuman mengikut kepada bidangkuasa yang diperuntukkan di dalam Akta 605	Semua kakitangan	Bahagian Perundangan dan Integriti

## 5.0 IMPLIKASI KEWANGAN

5.1 **Implikasi kewangan** yang terlibat adalah berdasarkan penganjuran sesuatu program yang dirancang. Implikasi kewangan akan diperincikan dan dibincangkan di peringkat jabatan pihak pelaksana.

## 6.0 IMPLIKASI SUMBER MANUSIA

6.1 **Implikasi sumber manusia** yang terlibat adalah berdasarkan penganjuran sesuatu program yang dirancang. Tidak ada penambahan kakitangan untuk tujuan pelaksanaan Pelan Pelaksanaan Integriti ini.

## **7.0 IMPLIKASI FIZIKAL/RUANG**

**Implikasi fizikal/ruang** yang terlibat adalah berdasarkan penganjuran sesuatu program yang dirancang. Tidak ada keperluan untuk penambahan ruang bagi pelaksanaan Pelan Pelaksanaan Integriti ini.

## **8.0 IMPLIKASI PERUNDANGAN**

8.1 Memperkukuh peraturan-peraturan yang sedia ada dan memantapkan keberkesanan tadbir urus Universiti. Tidak ada peraturan yang perlu dipinda bagi memastikan pelaksanaan Pelan Pelaksanaan Integriti ini.

## **9.0 IMPLIKASI SOSIO POLITIK**

9.1 Tidak ada implikasi **sosio politik** yang terlibat. Pelan ini adalah terpakai kepada semua kakitangan UMS.